



Headline : Untung sebelum cukai suku ketiga Deleum naik kepada RM17.42 juta
Media : The Malaysian Insider Online
Day/Date : 26 November 2012
Page :
Links : <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/untung-sebelum-cukai-suku-ketiga-deleum-naik-kepada-rm17.42-juta/>

Deleum's Q3 pre-tax profit rises to RM17.42 million



Untung sebelum cukai suku ketiga Deleum naik kepada RM17.42 juta

Nov 26, 2012

KUALA LUMPUR, 26 Nov —Untung sebelum cukai Deleum Bhd bagi suku ketiga yang berakhir pada 30 Sept, 2012 naik kepada RM17.42 juta daripada RM13.53 juta pada tempoh sama tahun lepas.

Perolehan meningkat kepada RM125.02 juta daripada RM80.72 juta sebelumnya, katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Ia berkata kenaikan dalam perolehan terutamanya oleh segmen tenaga dan jentera sebanyak RM105.30 juta daripada RM55.05 juta tahun lepas.

“Sumbangan daripada segmen ini terutamanya peningkatan permintaan daripada pelanggan dengan aktiviti pengeluaran dan penerokaan yang kukuh,” katanya.

Deleum berkata prospek industri minyak dan gas tempatan akan kekal baik, disokong oleh aktiviti penerokaan dan pengeluaran yang kukuh hasil daripada Program Transformasi Ekonomi.

“Dalam hal ini, kami akan terus memperkemaskan strategi perniagaan dan penawaran produk kami,” katanya. — Bernama